



جَمْعِيَّةُ الْعُلَمَاءِ وَمُتَدَرِّسِي الدِّينِ الْإِسْلَامِيِّ سِيْنِغَاپُورَةَ

Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapura)
Singapore Islamic Scholars & Religious Teachers Association

KENYATAAN MEDIA

11 Mei 2021M / 29 Ramadan 1442H

RESPON PERGAS BAGI SERANGAN KE ATAS MASJID AL-AQSA DAN PENCEROBOHAN TERHADAP KEDIAMAN RAKYAT PALESTIN

Merujuk kepada laporan media aliran utama tempatan dan antarabangsa, Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas) mengecam keras serangan tentera zionis terhadap rakyat Palestin dan jemaah yang sedang mengerjakan Solat Terawih di Masjid Al-Aqsa pada sejak 7 Mei 2021 hingga surat ini dikeluarkan, serta tindakan pengusiran warga Palestin dari kediaman mereka bagi tujuan penempatan baru pendatang Yahudi dapat juga dihentikan.

2 Pergas sangat prihatin terhadap serangan yang telah mencederakan lebih seratus rakyat Palestin dan orang Islam yang lain lebih-lebih lagi ianya berlaku di persekitaran Masjid Al-Aqsa dan di dalam bulan Ramadan, iaitu antara masjid tersuci dalam Islam dan juga di antara rumah peribadatan yang suci disisi orang Yahudi dan Nasrani. Agama Islam sendiri melarang umatnya menceroboh dan merosakkan tempat ibadah agama lain. Ini boleh didapati di dalam firman Allah SWT di dalam Surah Al-Hajj ayat 40:

﴿الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبَّنَا اللَّهُ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ

لَهَدَمَتِ صَوَامِعَ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٍ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ إِنَّ

اللَّهُ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿﴾

Maksudnya: Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan kami ialah Allah". Dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamaNya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

Pengajaran ayat ini tidak hanya tertuju kepada umat Islam sahaja bahkan kepada seluruh alam.

3 Tindakan Israel mengusir rakyat Palestin dari kediaman mereka di sekitar Baitulmakdis dan kejiranan Sheikh Jarrah secara paksa juga merupakan satu tindakan yang zalim dan tidak berperikemanusiaan. Ini jelas melanggar hak asasi manusia serta etika hubungan antarabangsa yang memberi hak dan kebebasan kepada setiap rakyat sesebuah negara untuk hidup dalam keamanan dan kedamaian, biarpun berbeza etnik dan agama. Ini sesuai dengan firman Allah S.W.T di dalam Surah Al-Isra' ayat 70:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَبْرِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ

كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkat mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah kami ciptakan.

4 Israel seharusnya menghormati hak-hak dan kebebasan pemerintahan Palestin untuk memimpin rakyatnya dengan aman. Pergas ingin menegaskan bahawa kedamaian dan kesejahteraan hanya akan dapat dicapai sekiranya kezaliman dan penindasan ini dapat dihentikan. Ini selaras dengan tuntutan agama Islam yang

menggalakkan kepada kedamaian dan kesejahteraan antara kedua belah pihak seperti yang dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam Surah Al-Anfal ayat 61:

﴿وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ﴾

Maksudnya: “Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakal kepada Allah. Sesungguhnya Ia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

5 Sebagai penutup, Pergas juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru masyarakat Islam Singapura agar bertenang dalam menerima berita keganasan ini. Di sempena bulan Ramadan dan menjelang Syawal marilah kita mengambil kesempatan untuk berdoa agar Allah SWT memberi perlindungan dan kesejahteraan kepada warga Palestin khususnya dan alam keseluruhan agar terpelihara dari kezaliman. Semoga Allah SWT mengurniakan kesabaran dan kekuatan kepada rakyat Palestin di dalam menghadapi ujian ini.

PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)